

KERATAN AKHBAR
(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Tempatan)
Hari/Tarikh: 6/3/2016
Muka surat: 12

Tajuk : Belajar bahasa Iban

12

AHAD • 6 Mac 2016 • 26 Jamadilawal 1437H •

TEMPATAN

Mingguan Sarawak

Memudahkan pelajar bidang perubatan berkomunikasi ketika alam kerjaya **Belajar bahasa Iban**

MICHEAL SERING

KOTA SAMARAHAN: Pelajar bidang perubatan dan kejururawatan di institusi pengajian tinggi (IPT) yang mahu berkhidmat di hospital dan klinik negeri ini selepas tamat pengajian dinasihatkan belajar berkomunikasi dalam bahasa Iban. Menteri Muda Kesihatan Awam, Datuk Dr Jerip Susil berkata ini keraja bahasa Iban adalah yang paling banyak dituturkan penduduk berbi-

lang kaum negeri ini bagi berkomunikasi termasuk di hospital dan klinik.

"Kalau kamu (pelajar perubatan dan kejururawatan) bukan kaum Iban, kamu mesti boleh bertutur dalam bahasa Iban. Ini kerana saya agak terkejut apabila melawat ke setiap hospital dan mendapati bahasa itu merupakan bahasa kaum pribumi paling banyak dituturkan penduduk negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Pelajar Kejururawatan Universiti Malaysia Sarawak

(UNIMAS) Ke-7 di Kampus UNIMAS, di sini, semalam.

Seramai 560 peserta termasuk jururawat dari negara ini, Brunei dan Singapura menyertai persidangan terbabit dan majlis perasmianya juga dihadiri Dekan Fakultiti Perubatan Sains Kesihatan UNIMAS, Professor Dr Ahmad Hata Rasit dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Professor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Dr Jerip berkata sekiranya pelajar

perubatan dan kejururawatan mampu bertutur dalam bahasa Iban dan bahasa Bidayuh, bahasa Cina serta bahasa etnik lain, mereka pasti tidak akan menghadapi masalah menyesuaikan diri bagi berkhidmat di negeri ini selepas tamat pengajian.

Malahan kebolehan bertutur dalam pelbagai bahasa juga akan membolehkan mereka sebagai kakitangan perubatan dan jururawat dapat berkomunikasi dengan baik dengan ramai pesakit bagi memahami terperinci sega-

la kesakitan dan keperluan rawatan mereka.

"Saya percaya tugas jururawat bukan sahaja berkaitan kemahiran penjagaan rawatan tetapi perlu juga mampu berkomunikasi dengan baik. Jadi pelajar bidang perubatan dan kejururawatan sebolehnya belajar bertutur banyak bahasa lain selain bahasa ibunda mereka," katanya.

Dr Jerip berkata penduduk negeri ini kebiasanya menguasai empat bahasa iaitu bahasa ibunda, bahasa Inggeris,

bahasa Melayu dan bahasa Ibunda samada Iban atau Bidayuh atau kaum lain yang memudahkan mereka berkhidmat dalam masyarakat berbilang kaum dan berbeza bahasa.

Disebabkan kelebihan itu, kalangan jururawat terlatih dilahirkan UNIMAS dan institusi pengajian tinggi lain di negeri ini bukan sahaja mendapat permintaan dalam negara malahan semakin mendapat permintaan tinggi di negara lain terutama Singapura, Arab Saudi, Australia dan New Zealand.